

Ketegasan PM martabatkan identiti bahasa kebangsaan



Penggunaan bahasa Melayu penting pastikan kejelasan, integriti komunikasi

Oleh Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketegasan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan penggunaan bahasa Melayu untuk surat rasmi, sama ada dari pihak kerajaan mahupun swasta, signifikan dalam memelihara identiti kebangsaan dan dapat membantu mengukuhkan perpaduan rakyat.

Kelmarin, Perdana Menteri mahu jika surat berkenaan ditulis dalam bahasa selain bahasa kebangsaan, ia perlu dipulangkan semula kepada pengutus dalam usaha untuk memartabatkan penggunaan bahasa Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Anwar melihat, ketika peneakan bahawa bahasa perdagangan adalah bahasa Inggeris, ada sikap terlajak dan terpesong oleh beberapa jabatan kerajaan, penjawat awam, universiti awam dan swasta serta sektor swasta dalam penggunaan bahasa Melayu.

Utamakan bahasa Melayu

Bagi Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Muhd Fazreen Ismadi, ketegasan Perdana Menteri itu perlu dalam usaha memastikan bahasa Melayu diutamakan sebagai bahasa rasmi dalam semua surat rasmi negara.

"Ini sekali gus dapat pelihara kedaulatan dan kedudukan ba-

hasa kebangsaan. GPMS percaya penggunaan bahasa Melayu dalam surat rasmi penting untuk memastikan kejelasan dan integriti komunikasi kerajaan serta mempromosi kepentingan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat.

"GPMS komited menyokong usaha yang bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pentadbiran kerajaan. Keputusan ini juga membantu mewujudkan kesan positif dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan sosial.

"Ia turut memastikan keadilan dalam akses kepada perkhidmatan kerajaan," katanya dalam kenyataan semalam ketika mengulas ucapan Perdana Menteri pada Karnival Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan 2023 kelmarin.

Dalam ucapannya, Anwar turut memaklumkan, urusan perhubungan jabatan kerajaan dalam bahasa kebangsaan, dilihatnya sering cuba meninggalkan asas Perlembagaan dan kadang-kadang ada kekeliruan.

"Jadi saya ingin mengingatkan hal ini. Jika dalam kalangan syarikat tempatan dan universiti tempatan, termasuk swasta, sesiapa sahaja menulis (surat) selain dalam bahasa kebangsaan, surat itu akan dipulangkan," tegas Perdana Menteri.

Muhd Fazreen berkata, usaha ditekankan Anwar perlu terus diperkukuh dan diteruskan demi masa depan Malaysia yang lebih bersatu dan maju ketika masih ada segelintir rakyat terpinga-pinga untuk 'taat' menggunakan bahasa Melayu dalam urusan harian, termasuk surat rasmi kerajaan.

"Sepatutnya, kita perlu lebih tegas dan memberi amaran kepada mana-mana pihak yang sengaja mengamalkan sikap sam-

"GPMS percaya penggunaan bahasa Melayu dalam surat rasmi penting untuk memastikan kejelasan dan integriti komunikasi kerajaan"



Muhd Fazreen Ismadi,
Presiden GPMS

"Ada Kementerian, jabatan mahupun agensi kerajaan yang dilihat masih ada kelemahan dalam mengangkat martabat bahasa Melayu"



Awang Sariyan,
Bekas Pengerusi Lembaga Pengelola DBP

bil lewa dan tidak patuh kepada Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Bekas Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Prof Emeritus Datuk Seri Dr Awang Sariyan, melihat usaha memartabatkan penggunaan

bahasa Melayu bergantung pada kesungguhan penjawat awam, terutama pimpinan Kementerian, jabatan dan agensi, selain syarikat swasta.

Katanya, ada Kementerian, jabatan mahupun agensi kerajaan yang dilihat masih ada kelemahan dalam mengangkat martabat bahasa Melayu meskipun peruntukan itu sudah pun termaktub dalam Perkara 152(6) Perlembagaan Persekutuan.

"Perkara 152(6) memperuntukkan penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran kerajaan Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa awam, selain membolehkan DBP mengembangkan bahasa dan persuratan Melayu di peringkat antarabangsa.

"Sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu bukan sahaja berkait dengan surat-menyurat, bahkan semua dokumen seperti pekeliling, memorandum, minit mesyuarat dan maklumat diperagakan di pejabat, juga komunikasi lisan rasmi seperti mesyuarat dan perhimpunan.

"Arahan Perdana Menteri menepati ketetapan peruntukan dalam Perlembagaan itu mengenai peranan bahasa Melayu sebagai bahasa urusan rasmi di tiga lapis pentadbiran negara, iaitu kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa awam," katanya.

Katanya, Audit Bahasa Melayu oleh DBP sejak 2013 mendapati masih ada Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan tidak mengutamakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi, termasuk mesyuarat, penjenamaan program dan institusi serta penggunaan di tempat awam.

Rujuk semula pekeliling

Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Teo Kok

Seong pula meminta kerajaan merujuk semula pekeliling 2020 mengenai garis panduan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan kerajaan.

Beliau memberi contoh, masih ada Kementerian mahupun agensi kerajaan guna ungkapan dalam bahasa Inggeris seperti majlis *flag off*, *Fit Malaysia* dan *Road to Gold* walaupun ada sahaja ungkapan dalam bahasa Melayu yang boleh digunakan.

"Ini sepatutnya tidak berlaku kerana kita ada Surat Pekeliling 1 Tahun 2020, dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Tajuk pekeliling itu adalah 'Pemeriksaan Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Perkhidmatan Awam'.

"Surat pekeliling itu sebenarnya dokumen terbaik untuk institusi kerajaan dan negara berusaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Surat itu menggariskan kaedah begitu terperinci mengenai penggunaan bahasa Melayu dalam perkhidmatan awam," katanya.

Pekeliling berkenaan, katanya, mengandungi ketetapan membatalkan urusan surat-menyurat dalam negara ini wajib dibuat dalam bahasa Melayu, tidak kira daripada kerajaan atau kepada kerajaan.

Selain itu, beliau berkata, penggunaan bahasa Melayu juga diwajibkan untuk dokumen perjanjian dalam negara, mesyuarat membabitkan warganegara dan penganjuran majlis rasmi negara yang membabitkan warganegara.

"Namun, apabila kita kaji secara rawak atau teliti, didapati banyak lagi majlis rasmi negara yang dikendalikan agensi kerajaan, Kementerian tertentu masih guna ungkapan bahasa Inggeris. Ini tidak sepatutnya berlaku," katanya.